

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in Takaful myTenang Care. Please be sure to also read the general terms and conditions.

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myTenang Care. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. What is this plan about?

Apakah ciri-ciri pelan ini?

This is a one (1) year term family takaful plan that provides protection in the event of death or Total and Permanent Disability (TPD) to the person covered. This plan does not accumulate any cash value.

Pelan takaful keluarga bertempoh satu (1) tahun ini memberi perlindungan sekiranya berlaku kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK) kepada orang yang dilindungi. Pelan ini tidak mengumpul sebarang nilai tunai.

2. What are the Shariah concepts applicable?

Apakah konsep Syariah yang digunakan?

This plan applies the following Shariah concepts:

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah berikut:

- a. Tabarru'** means donation for charitable purposes. Under this plan, the participant donates a portion of the contribution to the Group Family Takaful Account (GFTA) to help other participants.

Tabarru' bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian caruman ke dalam Akaun Takaful Keluarga Berkelompok (ATKB) untuk membantu peserta-peserta lain.

- b. Wakalah** refers to a contract where a party, as principal authorizes another party as his agent to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without the imposition of a fee. Under this plan, the participant authorizes Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (the "Company") to manage the GFTA and in return, the Company will receive a wakalah fee.

Wakalah merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain untuk menjadi wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara-perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. Di bawah pelan ini, peserta memberi kuasa kepada Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Syarikat") untuk menguruskan ATKB dan sebagai balasan, Syarikat akan menerima yuran wakalah.

- c. Qard** refers to a contract of lending money by a lender to a borrower where the latter is bound to repay an equivalent replacement amount to the lender. Under this plan, the Company will lend an amount of money to the GFTA without interest if the GFTA is in deficit.

Qard merujuk kepada sebuah kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar jumlah penggantian yang sama kepada pemberi pinjaman. Di bawah pelan ini, Syarikat akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam ATKB tanpa faedah jika ATKB mengalami defisit.

3. What are the covers / benefits provided?

Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

This plan provides the following benefits:

Pelan ini menawarkan manfaat-manfaat berikut:

Sum Covered Jumlah Perlindungan	Entry Age (Next Birthday) Umur Kemasukan (Hari Lahir Akan Datang)		
	19 - 40 Years / Tahun	41 - 50 Years / Tahun	51 - 55 Years / Tahun
Death Benefit (All Causes) Manfaat Kematian (Semua Sebab)	RM 23,000	RM 11,500	RM 4,500
Total and Permanent Disability Benefit (All Causes) Manfaat Keilatan Menyeluruh dan Kekal (Semua Sebab)	RM 23,000	RM 11,500	RM 4,500

Notes / Nota-nota:

- a.** The sum covered depends on the entry age of the person covered at the point of application and it is level throughout the duration of cover.

Jumlah perlindungan bergantung pada umur kemasukan orang yang dilindungi semasa permohonan dan jumlahnya adalah setara sepanjang tempoh perlindungan.

- b. The duration of cover is for one (1) year.
Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun.

4. How much contribution do I have to pay?
Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

- a. The contribution that you need to pay is RM 75 annually.
Caruman yang perlu anda bayar ialah RM 75 setahun.
- b. If you are an eligible Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) recipient, you can pay the contribution with *Perlindungan Tenang Voucher*. Your eligibility for the *Perlindungan Tenang Voucher* will be checked by the Company, and your application may be accepted or declined based on your eligibility status.
Sekiranya anda penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang layak, anda boleh membayar caruman dengan Baucar Perlindungan Tenang. Kelayakan anda untuk Baucar Perlindungan Tenang akan diperiksa oleh Syarikat, dan permohonan anda mungkin diterima atau ditolak berdasarkan status kelayakan anda.
- c. If you are not an eligible Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) recipient, you can choose to pay the contribution via credit or debit card.
Sekiranya anda bukan penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang layak, anda boleh memilih untuk membayar caruman melalui kad kredit atau debit.

5. What are the fees and charges that I have to pay?
Apakah caj-caj dan yuran-yuran yang perlu saya bayar?

Forty percent (40%) of the contribution (i.e. RM 30) will be deducted as the wakalah fee which is our administration fee, to pay for management expenses including marketing and distribution costs.
Empat puluh peratus (40%) caruman (iaitu RM 30) akan dipotong sebagai yuran wakalah yang merupakan kos pentadbiran kami untuk membayar perbelanjaan pengurusan termasuk kos pemasaran dan pengedaran.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?
Apakah sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- a. **Duty of Disclosure** - Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, you have a duty to take reasonable care not to provide false or inaccurate information when you apply for this plan. Failure to do so may result in voidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of the terms or termination of your contract of Takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information provided is inaccurate or has changed.
Tanggungjawab Pendedahan - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat pernyataan yang salah semasa anda memohon pelan ini. Kegagalan untuk mengambil langkah yang sewajarnya semasa anda memohon pelan ini, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajiban pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan tidak tepat atau sudah berubah.
- b. **Importance of Disclosure** - You must disclose all material facts and state the age correctly.
Kepentingan Pendedahan - Anda perlu mendedahkan semua fakta penting dan menyatakan usia dengan betul.
- c. **Free-Look Period** - There is a free-look period of fifteen (15) calendar days from the date of delivery of the e-Certificate for you to review and decide whether you want to continue with the plan. If you wish to discontinue the plan, you may request to cancel the plan and get a full refund of your contribution paid if the contribution payment is made via credit or debit card. For contribution payment with *Perlindungan Tenang Voucher*, there will be no refund of contribution. However, you can reuse your *Perlindungan Tenang Voucher* with other similar plans.
Tempoh Penelitian Percuma - Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda ingin meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh mohon untuk membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik penuh untuk caruman yang telah anda bayar sekiranya pembayaran caruman dibuat melalui kad kredit atau debit. Bagi pembayaran caruman menggunakan Baucar Perlindungan Tenang, tidak akan ada bayaran balik caruman. Walau bagaimanapun, anda masih boleh guna Baucar Perlindungan Tenang anda untuk pelan lain yang serupa.

- d.** Your application for this plan is subject to underwriting requirements and your eligibility for the *Perlindungan Tenang Voucher*.
Permohonan anda untuk pelan ini tertakluk kepada syarat pengunderaitan dan kelayakan anda untuk Baucar Perlindungan Tenang.
- e.** Your coverage under this plan will start on the date when the e-Certificate is sent to you.
Perlindungan anda di bawah pelan ini akan bermula pada tarikh e-Sijil dihantar kepada anda.
- f.** Your coverage will cease at the end of the one year (1) coverage term and the Company will not be liable for any events that take place after the end of the coverage term.
Perlindungan anda akan tamat pada akhir tempoh perlindungan satu (1) tahun dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang peristiwa yang berlaku setelah berakhirnya tempoh perlindungan.
- g.** You must nominate nominee(s) and ensure that your nominee(s) are aware of your participation in this plan.
Anda mesti melantik penama dan pastikan penama anda mengetahui mengenai penyertaan anda di dalam pelan ini.
- h.** You can only be covered in one (1) Takaful myTenang Care plan.
Anda hanya boleh dilindungi di bawah satu (1) pelan Takaful myTenang Care sahaja.

Note / Nota:

The above list is non-exhaustive. Please refer to the Certificate Wording for the full list of terms and conditions under this plan.

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

7. What are the exclusions under this plan?
Apakah pengecualian bagi pelan ini?

- a.** Death due to suicide, while sane or insane;
Kematian disebabkan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras;
- b.** TPD which has existed prior to or on the effective date;
KMK yang telah wujud sebelum atau pada tarikh kuat kuasa;
- c.** TPD due to attempted suicide or self-inflicted injuries, while sane or insane;
KMK disebabkan cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ketika waras atau tidak waras;
- d.** TPD due to any violation of law by the person covered or any assault or felony as committed, attempted or provoked by him;
KMK disebabkan pelanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi atau serangan atau kejahatan yang dilakukan, dicuba atau diprovokasi olehnya;
- e.** TPD due to aviation, gliding or any other form of aerial flight other than as a pilot, cabin crew or fare paying passenger of a recognized airline or charter service;
KMK disebabkan penerbangan, peluncuran, atau sebarang jenis penerbangan di udara selain dari seorang juruterbang, anak kapal atau penumpang bertambang biasa syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
- f.** TPD due to war (whether war be declared or not), revolution or any warlike operation; or
KMK disebabkan peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan; atau
- g.** TPD due to Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS), infection by Human Immunodeficiency Virus (HIV) or related conditions.
KMK disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

8. Can I cancel my certificate?
Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

This plan does not have any cancellation option after the free-look period, and your coverage under this plan will continue until the end of the one year (1) coverage term.

Pelan ini tidak mempunyai pilihan pembatalan setelah tempoh penelitian percuma, dan perlindungan anda di bawah pelan ini akan bersambung sehingga akhir tempoh perlindungan satu (1) tahun.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?
Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran untuk menghubungi saya?

It is important that you update in the myTakaful Customer portal or inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

Adalah penting bagi anda untuk mengemaskini di dalam portal myTakaful Customer atau memaklumkan kami tentang sebarang perubahan butiran untuk menghubungi anda untuk memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.

10. Where can I get further information?
Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Should you require additional information about family takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on 'Family Takaful' available at all our branches or visit www.insuranceinfo.com.my/.

Jika anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan takaful keluarga, sila rujuk kepada buku kecil insuranceinfo mengenai 'Takaful Keluarga' yang terdapat di semua cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my/.

If you would like to know more about this plan, please contact us at:

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Customer Service Unit / Unit Khidmat Pelanggan

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]

14th Floor, Annexe Block,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur

P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Email / Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

11. Other types of similar cover available:
Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan:

Please refer to our website at <https://online.takaful-malaysia.com.my/>.

Sila layari laman web kami di <https://online.takaful-malaysia.com.my/>.

IMPORTANT NOTE / NOTIS PENTING:

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS PLAN WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THIS PLAN OR CONTACT US DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI PELAN INI ATAU MENGHUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD [198401019089 (131646-K)] is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at April 2022.

Maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan produk ini adalah sah pada April 2022.